



**MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KENYATAAN SEBUT HARGA**

1. Kontraktor-kontraktor yang mempunyai kerja semasa di Majlis Perbandaran Port Dickson **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**
2. Sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang mempunyai **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** serta berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)**, **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** serta **Sijil Suruhanjaya Tenaga (SST)** (bagi kerja elektrik sahaja). Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai sebutharga ini juga **WAJIB berdaftar dengan Majlis Perbandaran Port Dickson. Pendaftaran boleh dibuat di Jabatan Kejuruteraan.** Kesemua Sijil tersebut perlu mempunyai tempoh sah sekurang-kurangnya 3 bulan selepas tarikh tutup sebutharga.
3. Lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN.** Kontraktor dinasihatkan untuk meneliti spesifikasi dengan sebaiknya bagi memberikan harga kerja yang munasabah. Sekiranya kontraktor memerlukan sebarang maklumat dan keterangan lanjut sila berhubung dengan Jabatan yang berkaitan (seperti dalam naskah sebutharga). **Borang Sebutharga boleh diperolehi di Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor (Blok A). Kontraktor WAJIB membawa dokumen-dokumen asal seperti yang dinyatakan pada perenggan 2 semasa proses pendaftaran dan pembelian naskah sebutharga.**
4. Pembelian dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada kontraktor atau wakil kontraktor yang sah sahaja. Wakil kontraktor hendaklah membawa surat wakil ASAL yang ditandatangani oleh pemilik syarikat. **KONTRAKTOR ATAU WAKIL TIDAK DIBENARKAN UNTUK MEMBELI NASKAH SEBUT HARGA BAGI SYARIKAT LAIN.**

5. Kontraktor digalakkan mengamalkan tatacara Penjarakan Sosial (*Social Distancing*) dan memakai pelitup muka (*Face Mask*) semasa berurusan di Kaunter MPPD. Sebarang pelanggaran arahan oleh pihak tuan akan di ambil tindakan.
6. Borang sebut harga yang telah diisi dan dilengkapkan serta berlakri hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di **Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor, MPPD**. Nombor sebut harga dan juga tajuk projek hendaklah ditulis sebelah kiri bahagian atas muka depan sampul surat. Borang sebut harga hendaklah dihantar tidak lewat pada jam dan tarikh yang telah ditetapkan. MPPD berhak untuk tidak menerima sebut harga yang lewat daripada jam dan tarikh yang telah ditetapkan.
7. Sebut harga ini sah laku dalam tempoh 90 hari dari tarikh mengemukakan sebut harga. Walaubagaimanapun Kerajaan berhak untuk melanjutkan tempoh sah laku sebut harga berkenaan ke tempoh yang lebih sesuai apabila dikeluarkan.
8. Bayaran bagi pendaftaran dan pembelian dokumen tidak akan dikembalikan dan segala kos akan ditanggung oleh pihak syarikat / kontraktor. MPPD berhak membatalkan tawaran sebut harga ini sekiranya diperlukan tanpa memberi apa-apa alasan.
10. MPPD adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. MPPD berhak untuk membatalkan tawaran sebut harga ini sekiranya pihak kontraktor terlibat dalam membuat pakatan harga dengan kontraktor-kontraktor lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses sebut harga sehingga dokumen kontrak ditandatangani. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

Tandatangan : .....  .....

Nama Pegawai : ..... MOHD ZAMRI BIN MOHD ESA .....  
Yang Dipertua ✕  
Majlis Perbandaran Port Dickson

Jawatan : .....

Tarikh : ..... 16 Jun 2022 .....

**LAMPIRAN**

No. Sebut Harga & Harga Dokumen	Tajuk Projek	Gred Kontraktor/ Kategori & Pengkhususan	Tempat, & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Tempat, Tarikh & Waktu Sebut harga Ditutup
S0039/23 RM 50.00	<b>KERJA-KERJA MENAIKTARAF BUMBUNG &amp; HARTA BERSAMA (TURAP JALAN) DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI FLAT ASTANA HARMONI</b>	<b>G1</b> KATEGORI B & CE PENGKHUSUSAN B04 & CE21		
S0040/23 RM 50.00	<b>CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI KG. SRI PARIT, PORT DICKSON</b>	<b>G1</b> KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE01 & CE21		
S0041/23 RM 50.00	<b>CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI TAMAN PD KEMUNING DAN JALAN RUMAH REHAT, PORT DICKSON</b>	<b>G1</b> KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE01 & CE21		
S0042/23 RM 50.00	<b>CADANGAN MEMBAIKPULIH LONGKANG SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI TAMAN SRI TANJUNG, PORT DICKSON</b>	<b>G1</b> KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE21	Bahagian Perolehan, Aset & Stor MPPD	Bahagian Perolehan, Aset & Stor MPPD
S0043/23 RM 50.00	<b>CADANGAN PEMBAIKAN LONGKANG SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI TAMAN PERANGINAN MUTIARA, PORT DICKSON</b>	<b>G1</b> KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE21	Tarikh : 27.6.2023	Tarikh : 4.7.2023
S0044/23 RM 50.00	<b>MENYELENGGARA KOLAM TAKUNGAN TAMAN POLITEKNIK, MP PORT DICKSON</b>	<b>G1</b> KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE21	Hingga 4.7.2023	Jam 12.00 t/hari
S0045/23 RM 50.00	<b>CADANGAN MENAIKTARAF BILIK PENGUATKUASA DAN BILIK PENGAWAL MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON DI TERMINAL PORT DICKSON</b>	<b>G1</b> KATEGORI B & CE PENGKHUSUSAN B04 & CE21		
S0046/23 RM 50.00	<b>CADANGAN MENAIKTARAF SURAU MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN</b>	<b>G1</b> KATEGORI B & CE PENGKHUSUSAN B04 & CE21		
S0047/23 RM 150.00	<b>CADANGAN MEMBAIKPULIH LONGKANG SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI TUN SAMBATHAN DAN TAMAN INDAH JAYA LUKUT, PORT DICKSON</b>	<b>G2</b> KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE21		

S0048/23 RM 150.00	CADANGAN PENYELENGGARAAN LONGKANG SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI PANTAI SRI PURNAMA, PORT DICKSON	<u>G2</u> KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE21	Bahagian Perolehan, Aset & Stor MPPD  Tarikh :  27.6.2023  Hingga  4.7.2023	Bahagian Perolehan, Aset & Stor MPPD  Tarikh :  4.7.2023  Jam 12.00 t/hari
S0049/23 RM 150.00	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI TAMAN INTAN PERDANA, PORT DICKSON	<u>G2</u> KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE01 & CE21		
S0050/23 RM 150.00	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN SECARA MILL & INLAY SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI JALAN MASUK KE PANTAI TANJUNG BIRU, PORT DICKSON	<u>G2</u> KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE01 & CE21		
S0051/23 RM 150.00	CADANGAN MEMBAIKPULIH LONGKANG SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI TAMAN PD UTAMA, PORT DICKSON	<u>G2</u> KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE21		
S0052/23 RM 150.00	CADANGAN MEMBAIKPULIH LONGKANG SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI BANDAR BARU SUNGGALA, PORT DICKSON	<u>G2</u> KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE21		
S0053/23 RM 150.00	CADANGAN PEMBAIKAN CERUN RUNTUH SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI TAMAN SETIA, PORT DICKSON	<u>G2</u> KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE08 & CE21		
S0054/23 RM 150.00	MENYELENGGARA KOLAM TAKUNGAN TAMAN DESA, MP PORT DICKSON	<u>G2</u> KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE21		
S0055/23 RM 150.00	CADANGAN PEMBINAAN TAPAK CAMPERVAN DI BATU 5, SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN	<u>G2</u> KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE21		
S0056/23 RM 50.00	KERJA-KERJA MENAIKTARAF KEMUDAHAN REKREASI DI TAMAN SELASIH, TAMAN DAMAI, TAMAN LUKUT IDAMAN, TAMAN KASAWARI, TAMAN BAGAN KURNIA, TAMAN BUKIT PERDANA DAN TAMAN TANJUNG GEMOK PORT DICKSON	<u>G1</u> KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE14		
S0057/23 RM 50.00	PENYELENGGARAAN POKOK AMENITI (POKOK TEDUHAN) SERTA LAIN -LAIN KERJA BERKAITAN DI TAMAN KOMUNITI AWAM , TAMAN SRI TANJUNG DAN KG SRI RUSA PORT DICKSON.	<u>G1</u> KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE14		

**\*NOTA - Hanya Surat Kebenaran Khas yang diperolehi dari CIDB / PKK sahaja yang diterima dan diperakukan. Dokumen lain seperti resit bayaran atau surat permohonan ke CIDB / PKK tidak akan diterima.**

**Kaunter Jualan Sebutharga Beroperasi Mengikut Ketetapan Seperti Berikut :-**

Isnin hingga Khamis	-	8.30 pagi - 1.00 tengahari
	-	2.00 petang - 3.00 petang
Jumaat	-	8.30 pagi - 12.15 tengahari